

Edward G. Brown

Seorang professor Sir Thomas Adams di Pengajian Bahasa Arab dan Ketimuran, Universiti Cambridge.

□ "... suatu peringatan mengenai padang berdarah Karbala, di mana cucu kepada Pesuruh Tuhan gugur tersungkur, tersiksa akibat dahaga dan dikelilingi jasad-jasad kaum kerabatnya yang dibunuh, senantiasa semenjak dari itu cukup untuk menimbulkan, walaupun di dalam hati yang ada hanya sedikit kebaikan dan tiada kepedulian, mencetuskan emosi yang sangat mendalam, duka yang melarakan dan membakar semangat di mana kesakitan, bahaya dan kematian sebelumnya menjadi perkara remeh yang tidak dipertimbangkan lagi." [*A Literary History of Persia*, London, 1919, mukasurat 227]

★ ★ ★ ★ ★

Ignaz Goldziher

(1850-1921) Seorang cendekiawan orientalis terkenal yang berbangsa Hungary.

□ ""Semenjak dari hari hitam di Karbala, sejarah keluarga ini ... telah berterusan menjadi riwayat penderitaan dan pendakwaan. Kisah-kisah ini dicatatkan di dalam puisi dan prosa, di dalam karya sastra yang banyak dipupuk mengenai para syuhada – satu yang ulung mengenai Syiah - dan menjadi tema dalam perhimpunan-perhimpunan Syiah pada satu pertiga bahagian pertama dalam bulan Muharam, di mana pada hari kesepuluh (Asyura) adalah peringatan kepada trajedi di Karbala. Adegan-adegan trajedi tersebut dilakonkan semula pada peringatan ini dalam bentuk yang dramatik (*ta'ziya*). 'Hari-hari jamuan kami adalah adalah perhimpunan-perhimpunan untuk berkabung.' Demikianlah bunyi barisan terakhir suatu puisi oleh putera yang berfahaman Syiah mengenangkan penderitaan yang banyak yang dialami oleh keluarga Nabi. Menangisi dan meratapi kejahatan dan pendakwaan yang dideritai oleh keluarga 'Alid ini, berkabung untuk para syuhadanya: ini adalah perkara-perkara yang tidak boleh berhenti dilakukan oleh penyokong-penyokong setia pergerakan ini. 'Lebih menyentuh hati daripada tangisan Syiah' telah menjadi peribahasa Arab." [*Introduction to Islamic Theology and Law*, Princeton, 1981, mukasurat 179]

★ ★ ★ ★ ★

Edward Gibbon

(1737-1794) Dianggap sebagai ahli sejarah Inggeris yang paling agung di zamannya.

□ "Di dalam suatu zaman dan di iklim yang lama dahulu kejadian tragis kematian Hussain akan melahirkan rasa simpati di dalam diri orang-orang yang berhati batu." [*The Decline and Fall of the Roman Empire*, London, 1911, volume 5, mukasurat-mukasurat 391-2]

Untuk mengetahui lebih lanjut berkenaan Imam Hussain dan trajedi di Karbala, sila lawati:

<http://al-islam.org/faq/>

v1.0

Jangan sekali-kali kamu fikirkan bahawa orang yang terbunuh di jalan Tuhan itu mati. Bahkan, mereka hidup, mendapat rezeki mereka dalam kehadiran Tuhan mereka
(Qur'an 3:169)

Apa Yang Diperkatakan Oleh Orang-Orang Bukan Islam Mengenai...

Hussain

PENGGANTI KETIGA KEPADA NABI MUHAMMAD
(Selawat dan Salam ke atas Mereka Berdua)

Imam Hussain adalah cucu kepada Nabi Muhammad, selawat ke atas mereka berdua, yang telah gugur syahid dibunuh oleh kuasa-kuasa jahat pemerintah yang kejam dan zalim. Ini adalah koleksi petikan-petikan pendek ulasan mengenai beliau oleh beberapa orang ternama dari pelbagai bidang dari seluruh dunia.

Peter J. Chelkowski

Profesor Pengajian Timur Tengah, Universiti New York.

□ "Hussain telah menerima dan keluar daripada Mekah bersama keluarganya dan sekumpulan pengikut yang berjumlah kira-kira tujuh puluh orang. Tetapi di dataran Karbala mereka terperangkap dan diserang hendap mengikut perancangan oleh ... khalifah, Yazid. Walaupun kekalahan sudah pasti, Hussain tetap enggan tunduk kepadanya. Dikepong oleh kekuatan musuh yang sangat berkuasa, Hussain dan teman-temannya hidup tanpa air selama sepuluh hari dan kepanasan padang pasir Karbala. Akhirnya Hussain, orang-orang dewasa dan beberapa anak-anak lelaki keluarganya dan sahabat-sahatnya dicerderakan oleh anak-anak panah dan pedang-pedang tentera Yazid; isteri-isteri, saudara-saudara perempuannya dan anak-anak yang tinggal ditangkap sebagai tahanan serta dibawa kepada Yazid di Damsyik. Seorang ahli sejarah yang terkenal Abu Reyhan al-Biruni menyatakan; "... khemah-khemah mereka kemudiannya dibakar dan jasad-jasad dipijak-pijak di bawah tapak kaki kuda-kuda mereka; tiada seorangpun di dalam sejarah manusia sejagat pernah menyaksikan kekejaman sedemikian rupa." [*Ta'zīyah: Ritual and Drama in Iran*, New York, 1979, mukasurat 2]

★ ★ ★ ★ ★

Simon Ockley

(1678-1720) Profesor bahasa Arab di Universiti Cambridge.

□ "Kemudian Hussain menaiki kudanya, dan mengambil Quran dan meletakkannya di hadapannya, dan, menghampiri orang ramai, menyeru mereka untuk melaksanakan tanggungjawab mereka: lalu menambah, 'Wahai Tuhan, Engkau adalah keyakinanku dalam setiap permasalahan, dan harapanku dalam setiap kesusahan!'... Seterusnya beliau mengingatkan mereka tentang kemuliannya, keturunannya yang bangsawan, keagungan kekuasaannya dan kedudukannya yang tinggi, dan berkata, 'Pertimbangkanlah dengan diri kamu sama ada atau tidak seorang lelaki seumpama aku adalah tidak lebih baik dari kamu; aku adalah anak lelaki kepada anak perempuan nabi kamu, seorang yang tiada bandingannya di atas muka bumi. Ali adalah bapaku; Jaafar dan Hamzah, ketua orang-orang syahid, kedua-duanya adalah bapasaudaraku; dan Rasullulah, selawat keatasnya, menyatakan kedua-dua aku dan kekandaku, bahawa kami adalah ketua pemuda-pemuda di syurga. Jika kamu akan mempercayai aku, bahawa apa yang aku katakan adalah benar, demi Tuhan, aku tidak pernah berbohong langsung semenjak aku memperolehi pemahamanku; kerana Tuhan membenci pembohongan. Jika kamu tidak percaya kepada aku, bertanyalah kepada sahabat-sahabat Rasullulah [di sini beliau menamakan mereka], dan mereka akan memberitahu kamu hal yang sama. Benarkanlah aku kembali kepada apa yang aku ada.' Mereka bertanya, 'Apakah yang menghalangnya dari diperintah oleh saudaranya yang lain.' Beliau menjawab, 'Tuhan melarang aku menyerahkan hak-hak yang berada di dalam tangan aku dengan cara yang seolah-oleh telah dijadikan hamba. Aku perlu menjelaskan kepada Tuhan mengenai kesemua pemerintah zalim yang tidak percaya kepada hari pembalasan.'" [*The History of the Saracens*, London, 1894, mukasurat-mukasurat 404-5]

★ ★ ★ ★ ★

Reynold Alleyne Nicholson

(1868-1945) Seorang professor Sir Thomas Adams di Pengajian Bahasa Arab di Universiti Cambridge.

□ "Hussain tumbang, ditembusi satu anak panah, dan pengikut-pengikutnya yang berani sehingga orang yang terakhir ditetak di sisinya. Sunnah Muhammad, yang secara keseluruhannya adalah sangat memusuhi dinasti Umayyah kecuali dalam keadaan-keadaan tertentu, menganggap Hussain sebagai syahid dan Yazid sebagai pembunuhnya." [*A Literary History of the Arabs*, Cambridge, 1930, mukasurat 197]

★ ★ ★ ★ ★

Robert Durey Osborn

(1835-1889) seorang berpangkat Major di dalam tentera Bengal Staff Corps.

□ "Hussain mempunyai seorang anak bernama Abdullah, yang hanya berumur setahun. Ia menemani ayahnya di dalam perjalanan yang dahsyat ini. Terdetak oleh tangisannya, beliau mengendong anak ini dan menangis. Pada saat itu, suatu anak panah menembusi telinga anak itu, dan ia mati dalam dakapan ayahnya. Hussain meletakkan mayat anak kecil itu di atas tanah. 'Kita datang dari Tuhan, dan kita kembali kepadaNya!' beliau berteriak; 'Wahai Tuhan, berilah kekuatan kepadaku untuk untuk menanggung kesemua kesusahan ini!' ... Hampir pengsan sebab dahaga, dan keletihan akibat kecederaan, beliau bertempur berhabis-habisan dengan berani, membunuh beberapa orang dari musuhnya. Akhirnya beliau ditikam dari belakang; pada masa yang lama satu tombak menembusinya dari belakang ke depan dan menyebabkan beliau rebah ke bumi; apabila orang yang membuat tikaman terakhir ini menarik senjatanya, anak lelaki Ali yang tidak bernasib baik ini berguling menjadi mayat. Kepalanya dicantas dari jasad; jasadnya dipijak-pijak dibawah tapak kaki-kaki kuda-kuda orang-orang yang menang itu; dan pada pagi berikutnya kesemua wanita dan seorang anak kecil yang masih hidup dibawa ke Kufa. Jasad-jasad Hussain dan pengikut-pengikutnya ditinggalkan tanpa dikedumikan pada kedudukan mana mereka gugur. Selama tiga hari mereka terdedah kepada cahaya matahari dan embun malam, burung-burung nasar dan binatang-binatang liar memakan sisa-sisa; tetapi penduduk-penduduk kampung yang berhampiran, merasakan adalah sangat tidak patut jasad cucu Nabi ditinggalkan dengan tanpa rasa malu untuk dimamah binatang-binatang buas yang kotor, lalu memberanikan diri menghadapi kemarahan Ubaidullah, dan mengebumikan jasad orang yang syahid itu dan kesemua sahabat-sahabatnya yang sangat berani." [*Islam Under the Arabs*, Delaware, 1976, mukasurat-mukasurat 126-7]

★ ★ ★ ★ ★

Sir William Muir

(1819-1905) cendekiawan berbangsa Scot dan pengubal undang-undang. Memegang jawatan Setiausaha Luar kepada kerajaan India dan juga Leftenan-Gabenor Wilayah-wilayah Barat Laut.

□ "Trajedi Karbala menentukan bukan sahaja masa depan pemerintahan khalifah, tetapi juga negara-negara yang memegang fahaman Muhammad lama setelah pemerintahan Khalifah luput dan hilang." [*Annals of the Early Caliphate*, London, 1883, mukasurat-mukasurat 441-2]

